



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 29 SEPTEMBER 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18.	ADAKAH SUMBER ASAS MAKANAN SENGAJA DIPOLITIKKAN?, HARAKAH -F5 BERNAS BERI JAMINAN BEKALAN BERAS DALAM NEGARA MENCUKUPI, NEGARA, KOSMO -4 BERAS: PELIK KARTEL BERI SEBAHAGIAN LUBUK EMAS MEREKA KEPADA KERAJAAN, NASIONAL, HARAKAH -12 SKIM BERAS PERCUMA DITERUS KERAJAAN NEGERI, KELANTAN, HARAKAH -H12 BERNAS BERI JAMINAN BEKALAN BERAS PUTIH MENCUKUPI, LOKAL, HM -2 PENGELUARAN BERAS NEGARA PERLU SEIRING PERTAMBAHAN POPULASI, MINDA PEMBACA, BH -13 BEKALAN BERAS PUTIH CUKUP UNTUK KEPERLUAN RAKYAT, NASIONAL, BH -6 KERAJAAN PERLU BERTINDAK ELAK KRISIS LEBIH BESAR, NASIONAL, BH -6 SYOR NAIKKAN HARGA SILING BERAS DITOLAK, NASIONAL, BH -6 PELAN KOMPREHENSIF ATASI BEKALAN BERAS, DALAM NEGERI, UM -11 BERAS KURANG, HARGA MELAMBUNG, GLOBAL, SH -44 BERNAS KOMITED SOKONG USAHA KERAJAAN PASTIKAN BEKALAN BERAS CUKUP, DALAM NEGERI, UM -10 SUNTIK RM50b TANGANI ISU MAKANAN, DALAM NEGERI, UM -10 BERI LESEN BORONG BELI BERAS PUTIH IMPORT, NASIONAL, SH -22 MOVE TO AVERT RICE SUPPLY CRISIS, NEWS, THE SUN -3 BERNAS: WHITE RICE SUPPLY MORE THAN SUFFICIENT, NEWS, NST -6 NO PRICE CHANGE OF LOCAL WHITE RICE, NATION, THE STAR -4 INTRODUCE MORE SUITABLE RICE VARIETIES, SAYS EXPERTS, NATION, KPKM -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
19. 20. 21.	LOKAL, HM -25 NELAYAN DIHARAM GUNA BUBU NAGA TAPI JUALAN DIBENARKAN, NEGARA, KOSMO -17 PENDARATAN PENYU DI TERENGGANU MENINGKAT 7,000 KEPADA 10,000, NASIONAL, BH -22	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
22. 23. 24. 25. 26. 27. 28. 29. 30. 31.	BERAS MAHAL BERI KESAN PENDUDUK MISKIN, KELANTAN, HARAKAH -H12 LANGKAH ELAK NASI JADI MAHAL!, LOKAL, HM -2 LEBIH 20,000 GENERASI BAHARU NELAYAN BERGELUT DAPATKAN LESEN, DALAM NEGERI, UM -11 SUNGAI SEMBILANG TERCEMAR, PENDAPATAN NELAYAN TERJEJAS, DALAM NEGERI, UM -12 NELAYAN DAKWA PENEMARAN BERLARUTAN LEBIH 10 TAHUN, DALAM NEGERI, UM -12 ONIONS FINALLY BACK IN THE RING, NATION, THE STAR -12 LOKAL, HM -25 'CHALLENGES FACED BY PADI FARMERS ARE MULTIFACETED', NATION, THE STAR -5 SANGGUP SUMBANG BERAS SENDIRI BANTU ORANG SUSAH, DALAM NEGERI, UM -33 KOLAM UDANG JEJAS PENDAPATAN NELAYAN, NASIONAL, BH -23	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Adakah sumber asas makanan sengaja dipolitikkan?

Saudari Pengarang,

ISU kekurangan beras tempatan semakin menjadi-jadi lebih-lebih lagi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan tiba-tiba mengumumkan kerajaan akan membekalkan 30,000 kilogram beras ke Pulau Pinang.

Malah, Kementerian mengambil tindakan mengedarkan beras melalui FAMA untuk rakyat di negeri-negeri yang berdepan masalah kekurangan beras tempatan.


Isu ini benar-benar menyengat kos sara hidup rakyat apabila kebanyakan rakyat terpaksa berbelanja lebih untuk mendapatkan beras tempatan sama ada terpaksa memandu jauh ke pasaraya-pasaraya yang dihabiskan mempunyai beras tempatan atau ke FAMA iaitu pusat pengedaran beras yang dikendalikan kerajaan.

Rakyat sesungguhnya menyambut baik usaha kerajaan ini, namun tindakan kerajaan ini cuma penyelesaian jangka pendek. Isu utama iaitu tangan masalah bekalan beras tempatan nampaknya tiada perancangan dari pihak kerajaan.

Selain itu, ia agak melucukan apabila kerajaan pula bertindak menganjurkan jualan beras murah kepada rakyat padahal mereka mempunyai kuasa untuk mengawal harga jualan beras tempatan di pasaran.

Dari sudut pemerhatian rakyat marhaen seperti saya, saya melihat isu ini seolah dipolitikkan kerana isu ini jika diteliti secara telus kerajaan mampu menangani kekurangan bekalan beras di pasaran.

Jika benar seperti diduga, ini adalah permainan politik paling teruk dalam sejarah Malaysia sampaikan sumber makanan asas pun boleh dijadikan senjata politik kerajaan.



Antara nasi putih dan gula mana lebih berisiko diabetes.

Andaian ini mungkin munasabah kerana tiba-tiba kerajaan mampu membekalkan beras kepada negeri-negeri yang berdepan krisis bekalan beras tempatan.

Menteri-menteri yang memegang portfolio bekalan makanan pula yang dikatakan sengaja membeli beras import padahal stok bekalan tempatan yang tidak ada di pasaraya terdekat dengan mereka.

Saya hati bila membaca komen pengguna media sosial yang antara mereka seminggu terpaksa menggoreng nasi semata sebagai makanan harian. Ada yang terpaksa meminjam wang cuma untuk membeli beras.

Krisis beras tempatan ini adalah kali pertama ia berlaku. Mahu tidaknya ketika di zaman PERIKATAN NASIONAL mentadbiran kerajaan yang waktu pengambil alihan itu berlaku sewaktu negara dilanda virus bahaya Covid-19 yang meragut jutaan nyawa manusia.

Di kala itu, rakyat kebanyakan hilang pekerjaan dan perniagaan terpaksa ditutup angkara wabak Covid-19 yang menjejaskan

semua pergerakan ekonomi dunia. Pada waktu itu, langsung tidak timbul isu masalah bekalan makanan tidak mencukupi sebaliknya rakyat senang di rumah menjaga keselamatan diri dan kesihatan keluarga bagi mencegah terkena jangkitan Covid-19. Ia dilakukan dengan baik semestilah pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin. Mereka menjalani tempoh perintah berkurung atau PKP yang diarahkan kerajaan dengan kerjasama yang baik.

Pada waktu itu juga, kita berjaya mengharungi cabaran wabak yang diduga juga kemurungan ekonomi dunia. Sekarang, amat menghairankan bila mana kita kini bebas bergerak ke mana ke mari dan pintu ekonomi terbuka luas namun di mana silapnya apabila timbul isu krisis bekalan beras yang kurang di pasaran.

Inilah hal yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan dengan menggerakkan kesemua jentera kerajaan meneliti di setiap perkilangan beras bagaimana dan ke mana hilangnya beras selepas

siap dituai oleh petani dan pesawah.

Situasi ini memberi gambaran seolah-olah berlaku ketidakjujuran dan ketidakbertanggungjawaban pengilang padi yang mahu mengambil kesempatan menaikkan harga beras tempatan.

Tidak wajar untuk kita salahkan petani atau pesawah kerana mereka telah menjalankan tugas mereka dengan sebaiknya sebaliknya ketegasan dan prihatin perlu dilihat kepada pemilik-pemilik kilang beras.

Ini satu penganiayaan bukan sahaja kepada pesawah yang berpenat lelah menanam padi malah juga kezaliman kepada rakyat yang terpaksa mengharungi cabaran kos sara hidup yang kian hari semakin mahal.

Bimbang wujud unsur sengaja sorokkan beras sebagai usaha untuk menaikkan harga. Selain itu, isu gula juga. Kita sekarang mempunyai pilihan untuk gula malah ada pula tu penjelasan menteri yang seolah mengklusterkan gula iaitu gula premium untuk kluster atasan manakala gula kasar untuk

Menteri-menteri yang memegang portfolio bekalan makanan pula menyalahkan rakyat pula yang dikatakan sengaja membeli beras import padahal stok bekalan tempatan yang tidak ada di pasaraya terdekat dengan mereka.

kluster bawahan.

Mengapa perlu timbul pembungkusan yang asing-asing seperti ini, padahal ia adalah produk sama cuma bezanya sama ada gula halus dan kasar.

Sekarang ini nak cari gula kasar pun susah dah di pasaraya. Pengguna terpaksa berbelanja lebih membeli gula premium kerana pasaraya kehabisan gula kasar.

Padahal memang itu strategi pengeluaran gula kononnya nak mengelak kenaikan harga gula dengan mengeluarkan gula premium, padahal memang pengeluaran mahu naikan harga gula dengan perlahan-lahan mengurangkan pengeluaran produk gula kasar.

Apa nak jadi kepada rakyat yang berkeluarga gaji bawah daripada RM2,000. Mampukah mereka mengharungi krisis kos sara hidup yang saban hari mencengkam perjalanan hidup mereka. Apakah kita masih boleh berharap kepada kerajaan PH-BN yang kelihatannya tidak bersungguh-sungguh membela rakyat sebaliknya takut mengambil tindakan kepada kartel-kartel yang terlibat dalam pengeluaran sumber makanan asas.

Lima tahun lagi kita terpaksa menahan diri dan bertahan dengan situasi yang cukup mencabar ketika ini.

Sekian,
Raja Fahrin,
Sungai Petani

Bernas beri jaminan bekalan beras dalam negara mencukupi

PETALING JAYA – Padiberas Nasional Berhad (Bernas) memberi jaminan bahawa bekalan beras putih dalam negara adalah mencukupi.

Bernas menerusi satu kenyataan yang dikeluarkan semalam memaklumkan, pihaknya menyalurkan sebanyak 630,000 tan metrik dari Januari hingga Ogos 2023 iaitu peningkatan sebanyak 38 peratus berbanding purata jualan bulanan bagi tempoh lima tahun lepas melibatkan pengurusan bekalan beras import ke dalam negara.

"Ini bermakna, bekalan beras putih adalah lebih dari mencukupi tanpa kerajaan perlu menggunakan bekalan stok penimbun," jelas kenyataan itu.

Dalam kenyataan itu lagi, Bernas memaklumkan permintaan ke atas beras putih tempatan semakin meningkat disebabkan perbezaan harga

pasaran berbanding beras import.

"Peningkatan ini disebabkan peralihan permintaan daripada beras putih import kepada beras putih tempatan oleh pengguna, pembekal kontrak dan pemain-pemain industri makanan.

Tambah Bernas, melalui peranannya sebagai 'Buyer of Last Resort' atau pembeli padi yang terakhir, purata pegangan pasaran padi tempatan pihaknya hanya sekitar 10 peratus, manakala selebihnya dibeli dan diproses oleh kilang-kilang swasta.

Bagaimanapun kata kenyataan itu, Bernas memberi jaminan bahawa pihaknya sentiasa komited dan menyokong semua program intervensi yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi menjamin bekalan beras tempatan.



PERMINTAAN terhadap beras putih tempatan meningkat disebabkan perbezaan harga pasaran berbanding beras import. – GAMBAR HIASAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2023	HARAKAH	NASIONAL	2

Beras: Pelik kartel beri sebahagian **lubuk emas** mereka kepada kerajaan

Oleh **NOR HAZWANI NOH**

KUALA TERENGGANU: Pelik bin ajaib apabila Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu meminta 20 peratus kuota padi dilepaskan oleh pengilang kartel kapitalis kepada BERNAS.

Menurut Timbalan Ketua Pemuda Perikatan Nasional (PN), Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad, pelik kerana kartel yang tidak pernah lepaskan monopoli sekarang memberi sebahagian daripada lubuk emas mereka kepada kerajaan.

"Langsung tak masuk akal sebab permintaan terhadap beras tempatan begitu tinggi dan tauke-tauke ini tentu untung besar kalau monopoli dikekalkan. Kenapa mereka nak lepaskan kepada kerajaan?"

"Tanpa memberi penjelasan terperinci, menteri kata kerajaan akan mem-



Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad

berikan kuota tambahan ini kepada pemborong-pemborong bumiputera untuk menambah bekalan Beras Putih Tempatan (BPT) negara.

"Kerajaan melalui FAMA juga dikatakan akan mengedarkan bekalan beras ke seluruh negara. Ini juga pelik sebab industri pengedaran beras ialah lubuk emas untuk para tauke kerana permintaan beras yang tinggi. Kenapa para kapitalis yang cintakan keun-

tungan sanggup melepaskan lubuk emas mereka?," soalnya dalam satu hantaran di Facebook, pada Isnin.

Menurut Ahmad Fayhsal, monopoli pembelian padi oleh tauke-tauke kapitalis sebenarnya tidak pernah berubah sejak tahun 1950.

"Di negeri jelapang padi pun, sejak dulu lagi tauke kapitalis membolot bekalan beras dan padi dengan memerangkap petani Melayu dengan hutang.

"Cara yang terkenal ialah sistem 'padi kunca'. Tauke bukan saja membolot padi tetapi pemasaran beras pun dikuasai kartel mereka.

"Keadaan ini tak pernah berubah sejak 1950-an kerana tauke kartel kapitalis mahu mempertahankan sumber duit mudah mereka," katanya.

Beliau berkata, sekiranya kerajaan mahu mengambil alih pengi-

langan padi kepada beras melalui BERNAS dan pengedaran beras tempatan melalui FAMA, pihaknya mesti memilih pasaran terbuka atau monopoli kerajaan.

"Pasaran terbuka sama ada memperbaiki rantai bekalan dengan membuka banyak kilang dan pemborong yang bukan kartel supaya persaingan nanti dapat membaiki pasaran.

"Yang kedua monopoli kerajaan. Oleh sebab sudah ke sekian kalinya, kartel pengilang dan pemborong gagal menyelesaikan isu bekalan beras. Daripada berharap kepada mereka, lebih baik kerajaan membolot semuanya," katanya.

Bagaimanapun, beliau memberi amaran agar jangan sampai pihak kerajaan bersekongkol dengan kartel.

"Ini ialah anggapan kebanyakan orang Melayu," katanya.

Skim beras percuma diterus kerajaan negeri

Oleh AIN MANAF

KOTA BHARU: Permintaan beras putih tempatan menunjukkan berlaku peningkatan susulan berlaku kenaikan harga beras import sejak kebelakangan ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, bekalan beras putih tempatan di Kelantan masih lagi mencukupi.

Katanya perkara itu dimaklumkan Jabatan Kawal Selia Padi Beras Negeri.

"Kebanyakan rakyat Kelantan sekarang menggunakan beras tempatan. Kerajaan negeri juga mengagihkan secara per-

cuma kepada peserta Skim Al Itam yang terdiri daripada penduduk miskin," katanya di sini.

Skim Al Itam diwujudkan kerajaan Kelantan pada tahun 2011 dengan mengagihkan 10 kilogram beras kepada setiap keluarga.

Sehingga akhir tahun lepas sebanyak RM50.8 juta dibelanjakan kerajaan negeri bagi menajayakan program terabit melibatkan 125,610 penerima.

Penduduk miskin sekarang dibebani kenaikan harga beras import sehingga lebih 30 peratus bagi setiap pek.

Sebelum ini beras Super 5 peratus bagi 10 kg harga RM27.50, namun sekarang meningkat kepada RM36.

Tuan Mohd juga berkata, biar pun berlaku kenaikan harga beras import, namun program Skim Al Itam tetap diteruskan kerajaan negeri bagi membantu penduduk miskin.

Menurutnya juga kerajaan negeri mengagih beras percuma kepada 300 penerima di setiap Dun sebagai usaha membantu meringankan beban rakyat.

Sementara itu, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kelantan berkata, bekalan beras putih tempatan diyakini mencukupi terutama bagi menampung keperluan sepanjang musim tengkujuh tidak lama lagi.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Ke-



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail menyampaikan baja organik kepada seorang penduduk.

lant, Dato' Aimi Jusoh berkata, pihaknya akan mengeluarkan beras mengikut keperluan penduduk walaupun berlaku kenaikan harga padi mentah.

"Dalam tempoh 20 tahun permintaan beras tempatan konsisten pada paras sama setiap tahun, namun lonjakan permin-

taan berlaku hampir 50 peratus sejak beras import mengalami kenaikan harga," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media khas Isu Beras Putih Tempatan dan Pelancaran Jualan Beras Putih Tempatan Secara Besar-Besaran di PPK Kangkong, baru-baru ini.

Turut hadir Pengarah Kawal Selia Padi Beras Kelantan, Mohamed Fadli Abdul Aziz.

Aimi yang juga Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK Kangkong berkata, beras putih tempatan dijual pada harga RM13 bagi kimpit beras 5 kg, manakala RM25.50 untuk 10 kg.

Beras mahal beri kesan penduduk miskin

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

KOTA BHARU: Kenaikan harga beras di pasaran tempatan kebelakangan ini memberi kesan kepada isi rumah berpendapatan rendah yang mempunyai bilangan ahli keluarga ramai.

Bukan itu sahaja ba-

rangan keperluan lain seperti gula, minyak dan sebagainya turut meningkat ketara sekarang.

Seorang penduduk Razali Mohamad, 55 berkata, kerajaan di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim perlu melaksanakan usaha bagi memastikan kos sara hidup

tidak membebankan.

Katanya, kerajaan perlu bertanggungjawab terhadap peningkatan harga bukan sahaja beras, bahkan bahan keperluan lain.

"Di era kerajaan campuran sekarang kehidupan rakyat seperti kami yang berpendapatan rendah dan ada anak ra-

mai amat terjejas dengan peningkatan harga keperluan harian.

"Orang yang berpendapatan tinggi tiada masalah tetapi saya kerja rumah batu dengan gaji sekadar tidak dapat menuskan kehidupan seperti yang berlaku hari ini," katanya ketika ditemui.

Bagaimanapun Razali bapa kepada tujuh anak itu berterima kasih kepada kerajaan negeri kerana memilihnya sebagai peserta Skim Beras al Itam.

Menurut beliau bantuan sebanyak 10 kilogram beras, di samping minyak masak dapat meringankan sedikit beban yang ditanggung keluarganya.



Razali Mohamad

Mohd Khairulnauai Ab Ghani, 49 pula mengakui peningkatan harga beras sekarang turut memberi kesan sangat besar keluarganya yang mempunyai lima anak.

Menurutnya harga bagi 10 kg beras di pasaran sekarang sangat membebaskan pendu-

duk miskin.

"Peningkatan harga beras sekarang sangat tinggi sehingga kami terpaksa berkira-kira untuk membeli beras.

"Gaji tidak naik tetapi harga barang terus meningkat saban hari, ini sangat membebankan bagi keluarga yang mempunyai anak ramai, 10 kg beras pun tidak cukup," katanya.

Mohd Khairulnauai juga menerima bantuan beras percuma daripada kerajaan negeri.

Menurutnya jumlah tersebut tidak mencukupi bekalan selama sebulan untuk menyara keluarganya, namun beliau berterima kasih kerana menerima bantuan itu.



Adun Wakaf Bharu Mohd Rusli Abdullah menyampaikan beras Skim al Itam kepada penduduk.



Warga emas gembira menerima beras percuma sumbangan kerajaan negeri.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2023	HARIAN METRO	LOKAL	2

KEBENARAN BELI BERAS PUTIH IMPORT PADA HARGA BORONG KEPADA PERSATUAN RESTORAN

Langkah elak nasi jadi mahal!

Kuala Lumpur

Kebenaran pembelian beras putih import (BPI) pada harga borong iaitu RM160 setiap 50 kilogram (kg) kepada persatuan restoran, pengusaha makanan dan penjaja kecil adalah bagi membantu mereka mengawal kos operasi dan memastikan harga nasi tidak dinaikkan.

Kementerian Pertanian

dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam satu kenyataan memaklumkan usaha itu juga untuk memastikan bekalan beras putih tempatan (BPT) dapat distabilkan dengan mengurangkan pembelian daripada golongan itu bagi kegunaan perniagaan.

"Dalam hal ini, KPKM mengambil langkah berkenaan untuk mengimbangi keperluan beras bagi tujuan perniagaan dan kegu-

naan isi rumah dalam tempoh permintaan yang tinggi kepada bekalan BPT pada masa ini.

"Persetujuan ini dicapai melalui sesi libat urus antara KPKM dan persatuan-persatuan restoran, pengusaha makanan dan penjaja kecil pada 15 September 2023,"

menurut KPKM.

Hal ini susulan kenyataan Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad Datuk Ameer Ali Mydin berhubung keputusan berkenaan yang dikuatirkan mewujudkan monopoli, dan cadangannya untuk menaikkan harga si-

ling BPT kepada RM34 setiap 10kg seperti dilaporkan sebuah portal berita kelmarin.

Berhubung dengan cadangan untuk menaikkan harga BPT, KPKM memaklumkan bahawa harga BPT di peringkat runcit masih dikawal pada kadar RM2.60 sekilogram sebagaimana tertakluk di bawah Perintah Beras (Kawalan Gred dan Harga) (Pindaan No.4) 2008, Akta

Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522].

KPKM pada 24 September lalu memutuskan akan memberikan lesen borong kepada pengusaha restoran supaya mereka boleh membeli BPI pada harga borong RM3.20 sekilogram daripada Bernas dan persatuan pengusaha restoran perlu mengemukakan permohonan kepada KPKM untuk mendapatkan lesen borong itu.

"KPKM ambil langkah berkenaan untuk mengimbangi keperluan beras"
KPKM



ORANG ramai mengambil peluang membeli beras tempatan yang dijual pada program Jualan Beras Putih Tempatan di Pusat Operasi Fama Simpang Pulai, Gopeng, kelmarin. Kira-kira 500 kantung beras 10 kilogram dijual di sini dengan harga RM26. Tinjauan juga mendapati tiada kesesakan berlaku ketika aktiviti jualan tersebut berlangsung.

Kuala Lumpur: Padiberas Nasional Berhad (Bernas) memberi jaminan bekalan beras putih mencukupi bagi mengisi keperluan rakyat negara ini, ketika orang ramai mendakwa sukar mendapatkan barang keperluan itu.

Dalam satu kenyataan bagi menjelaskan keadaan itu, Bernas memaklumkan pihaknya menyalurkan sebanyak 630,000 tan metrik

Bernas beri jaminan bekalan beras putih mencukupi

beras putih pada Januari hingga Ogos lalu.

Dengan langkah itu, syarikat itu berkata ia menyaksikan peningkatan sebanyak 38 peratus lebih tinggi berbanding purata jualan bulanan bagi tempoh lima tahun lalu.

"Ini bermakna, bekalan beras putih adalah lebih da-

ri mencukupi tanpa kerajaan perlu menggunakan bekalan stok penimbun.

"Namun demikian, permintaan ke atas beras putih tempatan semakin meningkat disebabkan per-

bezaan harga beras putih tempatan dan import.

"Peningkatan ini disebabkan peralihan permintaan daripada beras putih import kepada beras putih tempatan

oleh pengguna, pembekal kontrak dan pemain-pemain industri makanan," katanya.

Melalui peranannya sebagai pembeli padi yang terakhir, Bernas menjelaskan bahawa purata pegangan pasaran padi tempatan syarikatnya hanya sekitar 10 peratus, selebihnya di-

beli dan diproses kilang swasta.

Bagi menjamin bekalan beras tempatan, Bernas menegaskan pihaknya sentiasa komited dan menyokong semua program intervensi yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Bernas salur 630,000 tan metrik beras putih pada Januari hingga Ogos lalu

Pengeluaran beras negara perlu seiring pertumbuhan populasi

Arif Mustaqim
Md Salleh,
Kuala Lumpur

Ketika ini isu kekurangan beras tempatan hangat dipertakakan masyarakat. Merujuk kembali kepada kenyataan daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, memang disebutkan pengeluaran dan stok bekalan bagi sebahagian bijirin, terutama beras dan gandum dunia bagi 2020 hingga 2022 mengalami pengurangan.

Tambahan pula, pengeluaran beras dunia bagi tahun kebelakangan ini menurun kepada 343 juta tan pada 2022, manakala kadar penggunaan dalam tempoh sama meningkat kepada 353 juta tan.

Namun, menurut Kementerian juga, kekurangan bekalan beras dunia belum berada pada tahap kritikal dan dijangka bersifat sementara jika langkah pengawalan dibuat dengan segera.

Akan tetapi, menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian Dunia (FAO), mereka membayangkan kekurangan stok bijirin akan menjadi krisis pada masa depan. Ini berikutan data pada 2020 menunjukkan stok simpanan bijirin dunia yang sebelum ini mampu menampung keperluan 104 hari dijangka menurun kepada 53 hari sahaja menjelang akhir 2023. Kedudukan ini jauh lebih rendah daripada kedudukan dicatat ketika krisis makanan 1974.

Terdapat beberapa sebab diberikan kenapa hal ini berlaku. Antara faktor utama adalah fenomena 'El Nino' iaitu musim panas luar biasa serta hujan berlanjutan hingga berlaku banjir teruk, sekali gus menjelaskan penghasilan bijirin utama. Hal ini berlaku khususnya di negara pengeluar di rantau Asia Tengah, Eropah dan Amerika.

Kemarau berterusan juga membawa kesan buruk kerana air untuk keperluan pertanian juga semakin berkurangan.

Mengambil kira bilangan penduduk dunia yang akan mencecah 9.7 bilion pada 2050, isu keterjaminan makanan pada masa depan harus diberikan perhatian serius.

Memandangkan komoditi bijirin yang berkrang, harga dijangka semakin memuncak.

 **Perlu ada strategi baharu dalam mengukuhkan pengeluaran beras negara seperti memerlukan penanaman padi di beberapa kawasan berpotensi** 

Negara miskin dan sedang membangun terpaksa membayar lebih untuk membeli bahan makanan. Dijangka pada 2024, negara ini memerlukan belanjawan tambahan lebih RM6 bilion.

Tanah terbiar dan tidak diusahakan

Dalam konteks Malaysia pula, negara kita sudah sekian lama memilih menumpukan ekonomi berasaskan perindustrian. Pada 1980 terdapat 700,000 hektar kawasan tanaman padi negara dan jumlah itu semakin mengecil kepada 436,054 tahun ini.

Lebih malang lagi, terdapat hampir 120,000 hektar tanah terbiar dan tidak diusahakan. Pada masa sama terdapat hampir 30,000 hektar kawasan padi ditukar menjadi kawasan industri dan perumahan.

Pada masa ini, Malaysia memerlukan 1.8 juta tan beras untuk menampung keperluan rakyat. Bagaimanapun, mengambil kira pertumbuhan penduduk pada kadar 2.1 peratus setahun, rakyat Malaysia akan berjumlah 35.4 juta pada 2025 dan 39.1 juta menjelang 2030. Angka ini akan memberi impak ketara kepada keperluan beras negara iaitu tambahan lebih dua juta tan menjelang 2030.

Secara mudah, pengeluaran beras negara perlu seiring dengan pertumbuhan populasi. Keperluan beras negara mestilah mengambil kira kepesatan ekonomi dan jumlah keluasan sawah. Jika tidak, Malaysia akan terus bergantung kepada beras import sekiranya tiada inisiatif untuk menambah pengeluaran dalam negara.

Kementerian juga perlu meningkatkan usaha bagi menambah tenaga kerja warga tempatan dalam industri ini. Justeru, perlu ada strategi baharu mengukuhkan pengeluaran beras negara seperti memperluaskan penanaman padi di beberapa kawasan berpotensi.

Jaringan perniagaan baharu juga perlu diperluaskan kepada beberapa syarikat perniagaan tempatan untuk memecahkan monopoli industri beras yang sekian lama dikuasai oleh BERNAS.

Ahli perniagaan juga mungkin boleh mengemban pelaburan dalam sektor tanaman padi ke negara luar seperti Vietnam, Laos dan Kemboja.

Kesimpulannya, industri beras adalah sangat penting dan seharusnya dititikberatkan oleh kerajaan. Beras adalah makanan ruji rakyat Malaysia. Apa gunanya kalau berbangsa ada kereta nasional dan industri elektronik, tetapi rakyat kekurangan barangan keperluan asas.

Kerajaan perlu bertindak elak krisis lebih besar

Kuala Lumpur: Kerajaan mesti memandang serius masalah kekurangan beras putih tempatan dengan menyekutkan pelan tindakan untuk memastikan negara tidak terdampak oleh krisis beras pada masa depan.

Menurut Menteri Pertanian, PNH, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata dalam keadaan negara masih bergantung kepada import bahan makanan yang tinggi, kerajaan perlu memastikan negara tidak terdampak oleh krisis beras pada masa depan.

"Kerajaan mesti memandang serius masalah ini kerana ia mungkin menimbulkan krisis beras yang akan memberi impak yang mendalam kepada rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata kerajaan perlu mengambil tindakan segera untuk memastikan negara tidak terdampak oleh krisis beras pada masa depan.

"Kerajaan mesti memandang serius masalah ini kerana ia mungkin menimbulkan krisis beras yang akan memberi impak yang mendalam kepada rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata kerajaan perlu mengambil tindakan segera untuk memastikan negara tidak terdampak oleh krisis beras pada masa depan.

Bekalan beras putih cukup untuk keperluan rakyat



(Foto: BERNAS)

BERNAS sudah salur 630,000 tan sejak Januari hingga Ogos lalu

oleh Aishah A. Mohd. Faruq, aarif@th.com.my

Kuala Lumpur: Padi beras Khas bernilai RM1.5 bilion telah disalurkan kepada rakyat Malaysia sejak Januari hingga Ogos lalu.

Menurut syarikat itu, jumlah bekalan adalah 630,000 tan padi beras Khas bernilai RM1.5 bilion.

"Kami telah menyalurkan padi beras Khas kepada rakyat Malaysia sejak Januari hingga Ogos lalu," katanya.

Beliau berkata kerajaan perlu mengambil tindakan segera untuk memastikan negara tidak terdampak oleh krisis beras pada masa depan.

"Kerajaan mesti memandang serius masalah ini kerana ia mungkin menimbulkan krisis beras yang akan memberi impak yang mendalam kepada rakyat Malaysia," katanya.

Perdagangan ini disebabkan oleh permintaan yang tinggi untuk beras putih tempatan oleh pengeluar, pemproses, kontraktor dan petani lain. Bekalan beras putih tempatan ini akan mencukupi keperluan beras untuk tempatan.

Menurut syarikat itu, jumlah bekalan adalah 630,000 tan padi beras Khas bernilai RM1.5 bilion.

"Kami telah menyalurkan padi beras Khas kepada rakyat Malaysia sejak Januari hingga Ogos lalu," katanya.

Beliau berkata kerajaan perlu mengambil tindakan segera untuk memastikan negara tidak terdampak oleh krisis beras pada masa depan.

Syor naikkan harga siling beras ditolak

Kuala Lumpur: Kerajaan meminta syarikat beras tempatan untuk menaikkan harga siling beras tempatan.

Menurut syarikat itu, jumlah bekalan adalah 630,000 tan padi beras Khas bernilai RM1.5 bilion.

"Kami telah menyalurkan padi beras Khas kepada rakyat Malaysia sejak Januari hingga Ogos lalu," katanya.

Menurut syarikat itu, jumlah bekalan adalah 630,000 tan padi beras Khas bernilai RM1.5 bilion.

"Kami telah menyalurkan padi beras Khas kepada rakyat Malaysia sejak Januari hingga Ogos lalu," katanya.

Beliau berkata kerajaan perlu mengambil tindakan segera untuk memastikan negara tidak terdampak oleh krisis beras pada masa depan.

**Lebih 20,000 generasi baharu
nelayan bergelut dapatkan lesen**

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN dan WAT KAMAL ABAS

PETALING JAYA: Lebih 20,000 generasi baharu nelayan seluruh negara masih bergelut untuk mendapatkan lesen bot me-

Mereka terdiri daripada nelayan baharu yang kebanyakannya pelapis menggantikan individu dalam keluarga masing-masing.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Timbalan Pengerusi Persatuan Pendidikan dan Kejuruteraan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring), Mohd. Faizal Mohd. Zabri berkata, ketidadaan lesen tersebut menyukarkan nelayan menjalankan operasi menangkap ikan dengan keberanian yang sah.

"Sekarang ini kerajaan bagi lesen atau tidak, mereka tetap menangkap ikan, tetapi seperti 'pencuri'.

"Kadangkala bukan mereka ini tidak mahu ambil lesen, ka-

bot itu bagi memudahkan mereka turun menangkap ikan.

"Soal pas khas sudah pernah diusulkan kepada Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub ketika menjadi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan cadangan itu disambut baik, tetapi tidak sempat (dilaksanakan) apabila Pakatan Harapan (PH) atuh.

"Mei lepas kita ada bantah surat untuk berjumpa Menteri Pertanian dan Kementerian Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu untuk usulkan kembali cadangan itu, tetapi sampai sekarang tidak dijemput.

Beliau menambah, pas khusus dilhat sebagai satu langkah mudat yang bukan sabagaja membani nelayan, tetapi

"Kita faham kalau beri lesen, maka banyak belanja untuk keistimewaan (bantuan), tetapi kita pas kias ini maka tidak per-

lu (keistimewaan), cuma perbaharui seperti biasa.

"Dengan pus juga, baru nelayan itu diiktiraf, jadi boleh lihat hasil laut meningkat atau menurun. Sebab sekarang ini hasil tangkapan bukan dikatakan merosot, tetapi operasi nelayan tidak berdaftar yang tidak dikira sama," katanya.

Dalam pada itu, kira-kira 400 generasi pelapis nelayan di daerah Kerian mengadu sukar men-

Masalah yang berlaku menyebabkan mereka sukar keluar menangkap ikan kerana tanpa lesen ia merupakan satu kesalahan di sisi undang-undang.

Ahli Parlimen Parit Buntar, Mohd. Misbahul Munir Masduki berkata, perkara itu antara masalah utama yang dibangkitkan oleh nelayan pada sesi dialog bersamarnya semalam.

**Pelan
komprehensif
atasi bekalan
beras**

PETALING JAYA: Perikatan Nasional (PN) menggesa kerajaan mengemukakan pelan tindakan komprehensif untuk mengatasi masalah bekalan beras

tempatn pada masa ini. Pengerusi, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, isu kekurangan beaputn tempatn masih belum selesai walaupun telah berlarutan agak lama. Malah katanya, rakyat masih merungut tentang kesukaran untuk membeli beas tempatn di kedai-kedai runcit dan pasar (JWA).

"Oleh kerana beras ditempatkan sukar diperolehi di pasaran, ramal yang be-
ratur panjang untuk mem-
beli beras di lokasi-lokasi
jualan yang diusulkan
oleh Lembaga Pemasaran
Pernanan Persekutuan
(FAMA). Keadaan ini tidak
maka berlaku di negara
sebelum ini.

"Perkembangan ini amat membingungkan kita memandangkan beras adalah makanan ruij rakyat," katanya dalam kenyataan.

Muhyiddin berkata, Laporan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, 2018-2022 yang dikeluarkan jabatan Pertanian Ne-

gara juga menyaksikan Malaysia memerlukan 2.68 juta tan beras setahun dengan 1.11 juta tan daripada jumlah itu adalah beras yang diimport

Ini bermakna katanya, sekitar 40 peratus bekalan beras bergantung kepada beras import sekali gus menyebabkan Malaysia sentiasa terdedah kepada risiko kekurangan bekalan dan ketidakstabilan harga beras.

"Kerajaan mesti memandang serius masalah ini. Ia mungkin permulaan kepada suatu krisis yang lebih besar pada masa depan," katanya.

Sungai Sembilang tercemar, pendapatan nelayan terjejas

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL

KUALA SELANGOR: Lebih 60 nelayan yang mengusahakan ternakan benih kupang di muara Sungai Sembilang di sini mendakwa mengalami kerugian akibat pencemaran air.

Kerugian berikutan diarah berdasarkan purata hasil kupang 80 kilogram (kg) bagi setiap jaring yang memuat sehingga 30kg dan pada waktu-waktu tertentu, mereka hanya memperoleh RM2,625 untuk setiap jaring.

Pencemaran diakui menyebabkan setiap seorang nelayan yang mengusahakan projek tersebut kerugian lebih RM4,000 atau bagi setiap kg kupang selang satu kilogram RM600 bagi berat satu tan metrik.

Seorang perikanan, Jalal Mohd. Nor, berkata, ternakan kupang dibesarkan sejak 2018 untuk tujuan komersial dan sumber pendapatan nelayan di sekitar muara Sungai Sembilang.

"Ternakan kupang adalah masa tunggu sembilan bulan untuk matang sebelum boleh dijual. Jadi untuk sekali musim hasilnya boleh mencecah satu tan bergantung kepada rezeki."

Nelayan yang mengusahakan projek tersebut mendakwa telah jaring boleh dapat sekitar 80kg. "Sering kali dapat sekitar



AIR tercemar berwarna hitam dan berbau mengkilat keluar melalui Pangkalan Nelayan Sungai Sembilang, Jaram di Kuala Selangor, Selangor. - UTUSAN/ISMAIL YUSOFF

Sembilang guas apabila sungai yang menjadi pangkalan mereka tercemar teruk apabila air berwarna hitam dan kerap kali menimbulkan bau busuk. Lebih merisaukan air tercemar mengalir keluar setiap hari dari muara Sungai Sembilang.

Dakwanya, pencemaran menyebabkan kupang tidak sempat membesar dengan sempurna apabila mati sebelum tempoh matang. Nelayan yang mengusahakan projek tersebut mendakwa telah jaring boleh dapat sekitar 80kg. "Sering kali dapat sekitar

Nelayan dakwa pencemaran berlarutan lebih 10 tahun

